



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
AKTIVITI DAN PROTOKOL PEMBUKAAN  
TASKA GENIUS PERPADUAN /  
TABIKA PERPADUAN  
SEMASA TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
(PKP)**



## Merangkumi

- Aktiviti pengajaran dan pembelajaran Taska Genius Perpaduan/ Tabika Perpaduan
- Hanya dibuka kepada anak-anak barisan hadapan dan ibu bapa yang bekerja di perkhidmatan perlu

## Semua Aktiviti Dibenarkan Kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL PEMBUKAAN TASKA GENIUS PERPADUAN / TABIKA PERPADUAN DALAM TEMPOH PKP

Aktiviti	Penerangan Ringkas
<b>Sebelum Operasi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi di dalam dan di luar kelas.</li> <li>2. Mendapatkan deklarasi kesihatan guru / pendidik, penolong guru / penolong pendidik, ibu bapa / penjaga dan murid-murid / kanak-kanak. (<a href="#">borang ajuan pengisytiharan kesihatan</a>)</li> <li>3. Memberi taklimat kepada ibu bapa / penjaga berkaitan dengan norma baharu pasca PKP di Taska Genius Perpaduan / Tabika Perpaduan.</li> <li>4. Memastikan <i>hand sanitizer</i> dan sabun tangan disediakan.</li> <li>5. Menampal panduan langkah-langkah pencegahan COVID-19 (memakai pelitup muka, etika batuk dan bersin, mencuci tangan dan lain-lain) di tempat yang mudah dilihat.</li> <li>6. Memastikan langkah-langkah penjarakan fizikal seperti menampal penanda ruangan dan jarak kedudukan di dalam dan di luar kelas.</li> <li>7. Menggalakkan penggunaan App MySejahtera di premis Taska Genius Perpaduan / Tabika Perpaduan.</li> <li>8. Menyediakan buku catatan suhu bagi kehadiran ke Taska Genius Perpaduan / Tabika Perpaduan.</li> <li>9. Kawalan ketibaan murid / kanak-kanak di kelas.</li> </ol>



## Merangkumi

- Aktiviti pengajaran dan pembelajaran Taska Genius Perpaduan/ Tabika Perpaduan
- Hanya dibuka kepada anak-anak barisan hadapan dan ibu bapa yang bekerja di perkhidmatan perlu

## Semua Aktiviti Dibenarkan Kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL PEMBUKAAN TASKA GENIUS PERPADUAN / TABIKA PERPADUAN DALAM TEMPOH PKP

Aktiviti	Penerangan Ringkas
<b>Semasa Operasi</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Memastikan ibu bapa / penjaga melengkapkan borang pengisytiharan kesihatan.</li><li>2. Saringan dan merekod suhu badan guru / pendidik, penolong guru / penolong pendidik serta murid-murid / kanak-kanak setiap hari sebelum sesi pembelajaran / asuhan bermula.</li><li>3. Sekiranya murid-murid/ kanak-kanak tidak sihat atau suhu mencecah 37.5 C atau lebih, ibu bapa/penjaga hendaklah membawa murid-murid/ kanak-kanak pulang dan mendapat rawatan.</li><li>4. Membuat pembersihan 3 kali sehari bagi Taska Genius Perpaduan/ Tabika Perpaduan.</li><li>5. Memantau simptom murid-murid/ kanak-kanak yang bergejala dan sekiranya bergejala terus menghubungi ibu bapa/penjaga untuk tindakan seterusnya.</li><li>6. Guru/ Pendidik dan penolong guru/ penolong pendidik perlu memakai pelitup muka sepanjang waktu pembelajaran/asuhan.</li><li>7. Kedudukan murid-murid/ kanak-kanak di kelas semasa aktiviti dijalankan perlu mematuhi penjarakan fizikal.</li><li>8. Memastikan amalan mencuci tangan sebelum dan selepas rutin atau aktiviti.</li><li>9. Murid-murid/ Kanak-kanak tidak dibenarkan berkongsi bahan dan peralatan.</li></ol>



## Merangkumi

- Aktiviti pengajaran dan pembelajaran Taska Genius Perpaduan/ Tabika Perpaduan
- Hanya dibuka kepada anak-anak barisan hadapan dan ibu bapa yang bekerja di perkhidmatan perlu

## Semua Aktiviti Dibenarkan Kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL PEMBUKAAN TASKA GENIUS PERPADUAN/ TABIKA PERPADUAN DALAM TEMPOH PKP

Aktiviti	Penerangan Ringkas
<b>Selepas Operasi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memastikan ruang menunggu ibu bapa disediakan.</li> <li>2. Memastikan penjarakan fizikal di kalangan murid-murid / kanak-kanak dan ibu bapa dilaksanakan semasa murid-murid / kanak-kanak pulang dari Taska Genius Perpaduan / Tabika Perpaduan.</li> <li>3. Memastikan murid-murid / kanak-kanak terkawal dan beratur dengan menjaga penjarakan fizikal serta bergilir-gilir semasa keluar untuk pulang.</li> <li>4. Memastikan murid-murid / kanak-kanak membasuh tangan sebelum pulang ke rumah.</li> <li>5. Memastikan pembersihan peralatan pembelajaran dan ruang pembelajaran, tandas, ruang makan dan sudut-sudut di dalam taska dibersihkan selepas semua murid-murid / kanak-kanak pulang.</li> <li>6. Memastikan suhu diambil dan dicatat di dalam buku rekod penyaringan semasa murid-murid / kanak-kanak pulang.</li> <li>7. Sentiasa memberikan peringatan supaya murid-murid / kanak-kanak membersihkan diri selepas sampai di rumah dengan kadar segera.</li> <li>8. Peralatan peribadi murid-murid / kanak-kanak dibasuh dan sentiasa diasingkan.</li> <li>9. Memastikan semua peralatan penyaringan seperti penyukat suhu badan infra dan buku catatan berfungsi serta berada di tempat yang ditetapkan untuk kegunaan keesokan hari.</li> <li>10. Memastikan semua peralatan pembersihan seperti sabun dan <i>hand sanitizer</i> mencukupi untuk kegunaan keesokan hari.</li> </ol>